



## AGENSI ANGKASA MALAYSIA (MYSA)

MALAYSIAN SPACE AGENCY

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Ministry of Science, Technology and Innovation

No. 13, Jalan Tun Ismail

50480 KUALA LUMPUR

MALAYSIA

Tel: 603-2697 3400

Faks (Fax): 603-2697 3401

Laman Web (Web): [www.mysa.gov.my](http://www.mysa.gov.my)

E-mel (E-mail): [mysa\\_hq@mysa.gov.my](mailto:mysa_hq@mysa.gov.my)

Ruj. Kami : MYSA.BKP/100-01/07(244)

Tarikh : 25 April 2024

### ENCIK ZULHAILMY MOHD YATIM

Pengarah Operasi

MCT Makers Station

F-2-28 Vista Alam, Presint 4.5

Jalan Iktisas 14/1, Seksyen 14

**40000 SHAH ALAM**

Selangor

Tuan,

### JEMPUTAN SEBAGAI RAKAN STRATEGIK BAGI PENGANJURAN AKTIVITI SEMPENA MINGGU SAINS NEGARA 2024

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman tuan, Jemaah Menteri pada 13 Disember 2017 telah bersetuju supaya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menganjurkan **Minggu Sains Negara (MSN)** di seluruh negara setiap tahun sebagai salah satu inisiatif sains kebangsaan untuk memupuk minat terhadap ilmu sains. MSN juga adalah salah satu inisiatif untuk menyemarakkan gerakan sains kebangsaan dan menjadi platform pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI). MSN yang telah diadakan pada tahun sejak tahun 2018 telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat.
3. Bagi meneruskan kesinambungan program MSN bagi tahun 2024, MOSTI sekali lagi telah melantik Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) sebagai agensi peneraju **Minggu Sains Negara (MSN) 2024**. Secara rasminya, MSN 2024 telah dilancarkan pada 2 April 2024 dan akan berlangsung di seluruh negara secara hibrid yang melibatkan penganjuran secara karnival dan juga aktiviti dalam talian, sehingga Oktober 2024 yang bertemakan "**Merakyatkan Sains, Menginsangkan Teknologi dan Mengarusperdanakan Inovasi**". MSN 2024 mensasarkan penglibatan sebanyak 600,000 pelajar sekolah, penuntut institut pengajian tinggi serta masyarakat umum melibatkan aktiviti dan pertandingan berdasarkan tujuh (7) bidang fokus utama iaitu Kesihatan Planet, Kimia dan Bioteknologi, Kegunaan Aman Nuklear, Inovasi Sosial, Kejuruteraan dan Kecerdasan Buatan, Nanoteknologi serta Angkasa.
4. Sehubungan dengan itu, saya bagi pihak jawatankuasa penganjur amat berbesar hati menjemput pihak tuan untuk mengadakan aktiviti sempena penganjuran MSN 2024 secara fizikal atau dalam talian.

5. Hasrat kerjasama ini adalah bagi memastikan kelancaran program dan mewujudkan suasana yang menarik dan interaktif agar mampu menarik semua lapisan masyarakat untuk menyertai MSN 2024. Sekiranya memerlukan maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, pihak tuan bolehlah menghubungi pegawai berikut:

**Nama : Ts. Muhammad Fuad bin Ahmad**  
**Emel : fuad@mysa.gov.my**  
**Tel. : 03-2697 3400 samb. 361 / 012-986 7864**

6. Segala pertimbangan dan persetujuan tuan untuk mengadakan aktiviti amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Semoga kesudian tuan akan dapat menyemarakkan lagi kesedaran masyarakat khususnya pelajar terhadap kepentingan STI dalam usaha mensejahterakan rakyat dan mendayakan pembangunan negara amnya.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NIK MAZLINA BINTI NIK MUSTAPHA)**

Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan Teknikal dan Operasi)

b.p. Ketua Pengarah

Agensi Angkasa Malaysia (MYSA)

Kementerian, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)